

13 JUL 1998

Ling-KLIA

LAPORAN MENGENAI OPERASI KLIA

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Pihak-pihak yang bertanggungjawab bagi pengendalian operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) dikehendaki mengemukakan laporan setiap hari kepada Kementerian Pengangkutan bagi memastikan operasi di lapangan terbang berjalan lancar.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata sebuah jawatankuasa diketuai oleh Malaysia Airport Berhad (MAB) telah ditubuhkan untuk menyeleraskan laporan yang diterima.

Jawatankuasa berkenaan dianggotai Penerbangan Malaysia (MAS), Total Airport Management System (TAMS) dan KLIA Berhad (KLIAB), kata beliau.

"Kita perlu mengkaji apa yang silap setiap hari dan memastikan masalah itu tidak berulang," kata beliau kepada pemberita selepas melawat Ekspo Cintailah Barangan Malaysia 1998 di Pusat Pameran The Mines di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan sama "post mortem" dijalankan oleh sebuah badan bebas untuk mengenal pasti punca masalah yang berlaku dalam masa beberapa hari lapangan terbang itu beroperasi.

Dr Ling menjelaskan tiada post mortem khusus dijalankan mengenai masalah yang dihadapi oleh lapangan terbang berharga RM9 bilion itu dan beliau juga tidak tahu sama ada KLIAB telah mendapatkan khidmat juruperunding untuk tujuan itu.

Mengenai ekspo itu, Dr Ling berkata sehingga ini, sebanyak 150,000 orang telah mengunjunginya sejak ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lalu.

Pameran sepuluh hari itu ialah anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Wilayah Persekutuan dan Selangor

-- BERNAMA

NHD FAZ